



**KENYATAAN MEDIA
TIMBALAN PERDANA MENTERI
MENTERI PERTAHANAN**

14 JULAI 2021

**MENGENAI PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) DAN PERINTAH
KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD)**

Prestasi Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) memberi petunjuk bahawa kadar vaksinasi lengkap 2 dos telah melepasi nilai ambang (*threshold*) 10% yang ditetapkan untuk negara beralih dari Fasa 1 ke Fasa 2.

Perkembangan ini memberi gambaran bahawa negara berada di landasan yang betul dalam usaha mencapai imuniti kelompok (*herd immunity*).

Indikator ini sejajar dengan perancangan Pelan Pemulihan Negara (PPN) yang menjangkakan kadar vaksinasi akan mencapai 10% populasi pada akhir bulan Julai ini.

Sekiranya perkembangan positif ini berterusan, seluruh negara mampu beralih ke Fasa 2 pada awal bulan Ogos sepertimana negeri Perlis, Perak, Kelantan, Terengganu, Pahang, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak yang telah pun terlebih dahulu berada di Fasa 2 setelah melepasi nilai ambang ketiga-tiga indikator utama yang ditetapkan di bawah PPN.

SOP COVID-19 di Sektor Perkilangan dan Premis Perniagaan

Seperti yang diumumkan sebelum ini, Kerajaan telah mempertingkatkan penguatkuasaan secara menyeluruh dari segi pemeriksaan ke atas kilang-kilang dan premis-premis perniagaan kerana terlalu banyak pelanggaran arahan kerajaan dan SOP yang telah diwartakan.

Semalam, pasukan Task Force Operasi Pematuhan telah melaksanakan 80,827 pemeriksaan dan *snap check* COVID-19 di seluruh negara dengan jumlah kekuatan anggota seramai 20,005 orang.

Ini termasuk pemeriksaan ke atas 2,257 kilang, 15,256 premis perniagaan, 1,148 tapak pembinaan dan 286 asrama penempatan pekerja.

Daripada jumlah itu, 68 premis meliputi kilang (23), premis perniagaan (43) dan tapak pembinaan (2) diarahkan tutup kerana gagal mematuhi SOP yang ditetapkan kerajaan.

Pelaksanaan PKPD

BIL	Lokaliti PKPD	Tarikh Mula PKPD	Tarikh Tamat PKPD
1.	Kampung Jagoi Duyoh, Daerah Bau, Kuching, Sarawak	16 Julai 2021	29 Julai 2021
2.	Kampung Lubak, Beaufort, Sabah	16 Julai 2021	29 Julai 2021
3.	Blok 2, Blok 6 & Blok 9, Projek Perumahan Rakyat (PPR) Taman Mesra, Sandakan, Sabah	16 Julai 2021	29 Julai 2021
4.	Blok Angsana & Blok Sumboi-Sumboi, Kampung Seberang Benoni, Papar, Sabah	16 Julai 2021	29 Julai 2021
5.	Kampung Melalam, Sipitang, Sabah	16 Julai 2021	29 Julai 2021

SOP bagi kesemua PKPD adalah sama seperti yang diumumkan sebelum ini. Maklumat lanjut boleh diakses di laman sesawang MKN di www.mkn.gov.my

Pelanjutan PKPD

BIL	Lokaliti PKPD	Tarikh Tamat PKPD	Cadangan
1.	Kampung Landung Ayang, Kudat, Sabah	15 Julai 2021	Dilanjutkan berkuatkuasa 16 Julai hingga 29 Julai 2021

Penamatan PKPD

BIL	Lokaliti PKPD	Tarikh Mula PKPD	Cadangan
1.	Jalan Kubur, WP Kuala Lumpur	26 Jun 2021	Ditamatkan pada 15 Julai 2021 seperti yang dijadualkan
2.	Kampung Pangkal Jetas, Machang, Kelantan	2 Julai 2021	Ditamatkan pada 15 Julai 2021 seperti yang dijadualkan
3.	Penjara Jelebu dan Kwarters Kakitangan, Jelebu, Negeri Sembilan.	2 Julai 2021	Ditamatkan pada 15 Julai 2021 seperti yang dijadualkan
4.	Taman Public, Kota Kinabalu, Sabah	2 Julai 2021	Ditamatkan pada 15 Julai 2021 seperti yang dijadualkan
5.	Kampung Gusi Kinarut, Papar, Sabah	6 Jun 2021	Ditamatkan pada 14 Julai 2021, lebih awal dari yang dijadualkan.

Task Force Operasi Pematuhan

Task Force Operasi Pematuhan yang diketuai Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah melakukan 80,827 pemeriksaan semalam.

Operasi Pematuhan ini melibatkan 4,431 Pasukan Pematuhan yang terdiri daripada 20,005 anggota bagi memantau dan menguatkuasakan pematuhan SOP sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Semalam, 471 individu ditahan atas kesalahan ingkar SOP. Daripada jumlah itu, seramai 446 individu dikompaun manakala 16 lagi direman dan sembilan (9) dijamin.

Orang ramai diingatkan untuk sentiasa mematuhi SOP yang ditetapkan dan mengamalkan kawalan sendiri dalam usaha untuk memutuskan rantaian jangkitan COVID-19.

Kawalan Sempadan Negara

Operasi BENTENG (Op BENTENG) semalam telah menangkap 11 orang Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) serta merampas tiga (3) buah kenderaan darat.

Op BENTENG melibatkan Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Agensi Keselamatan Sempadan Malaysia (AKSEM) serta agensi-agensi keselamatan lain turut menjalankan 940 Sekatan Jalan Raya (SJR) semalam iaitu:

Op PENAWAR/SJR PKP	- 886 SJR
Op BENTENG PDRM	- 45 SJR
Op BENTENG AKSEM	- 9 SJR

Barang Keperluan Asas

Pemantauan serta pemeriksaan oleh anggota Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) di peringkat peruncit dan pemborong mendapati bekalan makanan adalah stabil dan mencukupi.

Semalam, KPDNHEP telah membuat 820 pemantauan harian ke atas 10 jenis bekalan barangan terdiri daripada peringkat peruncit (632), pemborong (157) dan pengilang (31).

KPDNHEP juga telah melakukan 2,065 Pemeriksaan Khas Pematuhan SOP sepanjang PKP dan daripada jumlah itu, 2,055 premis mematuhi SOP yang ditetapkan manakala 10 premis dikompaun kerana tidak patuh SOP.

Saringan Wajib Pekerja Warga Asing

Semalam, seramai 143 warga asing telah menjalani ujian saringan dan daripada jumlah itu, tiga (3) orang didapati positif COVID-19.

Secara kumulatifnya, Kementerian Sumber Manusia (KSM) memaklumkan seramai 700,800 pekerja warga asing telah menjalani ujian saringan COVID-19 yang melibatkan 36,441 majikan.

Daripada jumlah itu, seramai 10,410 orang telah disahkan positif COVID-19. Sehingga kini, sebanyak 1,544 buah klinik telah terlibat dengan program saringan ini.

Seperti yang telah diumumkan, ujian saringan COVID-19 adalah diwajibkan kepada semua pekerja warga asing mulai 1 Februari 2021.

Amalkan “lockdown” sendiri. Kekal di rumah dan amalkan gaya hidup sihat bersama keluarga dalam lingkungan kawasan rumah sendiri.

Terima kasih.

**YAB DATO' SERI ISMAIL SABRI YAAKOB
TIMBALAN PERDANA MENTERI
MENTERI PERTAHANAN**